

Isnin, Mac 12 2018

Malaysia negara defisit tanpa GST

GST Malaysia antara terendah, 164 negara lain turut laksana

PUTRAJAYA

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia akan menjadi negara defisit tanpa kutipan RM45 bilion melalui pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Tanpa GST, negara tidak mungkin mampu mengutip

hasil RM45 bilion setahun yang kemudian dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan, bantuan pekebun kecil dan nelayan serta Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM).

"Kalau pembangkang hapuskan GST untuk ganti SST (cukai jualan dan perkhidmatan), itu tipu. Kalau tidak dapat hasil RM45 bilion, negara akan menjadi defisit.

Hutang negara kian menguncup, tapi kalau hasil itu tiada, hutang negara akan meningkat dan jadi seperti di Greece," katanya ketika berucap pada Program Badan


Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) Bersama Siswa di Seri Perdana, di sini semalam.

Terdapat 13 juta pekerja di negara ini, tapi hanya dua juta membayar cukai pendapatan.

"Macam mana nak tampung kalau tiada pendapatan, maka terpaksa buat GST.

Kempen hapuskan GST senang, tapi nak terang teori itu... tiada," katanya.

Berucap di hadapan 400 pelajar institusi awam dan swasta, Najib berharap sebagai warga berpendidikan tinggi,



NAJIB

mahasiswa memainkan peranan memberitahu rakyat GST adalah sistem percukaian terbaik negara.

Kerajaan membuat perancangan besar untuk negara demi kesenangan generasi akan datang.

"Kita melabur untuk masa depan Malaysia... bila kita bangunkan tamadun, kita perlu menimbangkan orang muda sebagai aset dan setiap dasar mesti menjadikan aset ini nanti bawa pulangan untuk masa depan negara," katanya.

"Kita lihat Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang dah siap, kita akan buat MRT2 ke Putrajaya dan rancang MRT3 untuk keseluruhan Lembah Klang," katanya.

SH 12/3

Bukan sahaja pelbagai projek pembangunan dirancang, malah melalui projek yang dibangunkan secara langsung menyediakan peluang pekerjaan.

Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) bakal mengubah gaya hidup rakyat pada masa depan.

"Bila siap HSR, nilai tanah akan naik, berlaku perubahan landskap, orang Singapura beli rumah di Malaysia dan orang Malaysia akan kerja di Singapura," katanya.

Kalau boleh saya juga nak hapuskan kutipan tol dalam bandar secara berperingkat," katanya. - *Bernama*